



SIARAN AKHBAR

MONEYMATCH BRUNEI (MMB TRANSFER SDN BHD) KELUAR DARI BDCB FINTECH REGULATORY SANDBOX

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan bahawa fasa pengujian Syarikat MoneyMatch Brunei (MMB Transfer Sdn Bhd) di dalam BDCB FinTech Regulatory Sandbox telah tamat pada 31 Julai 2024. Berikutan itu, syarikat tersebut akan dilesenkan oleh BDCB bermula 1 Ogos 2024.
2. MMB Transfer Sdn Bhd mula menguji aktiviti kiriman wang rentas sempadan secara digital di dalam Sandbox pada 20 Mei 2019. MMB Transfer Sdn Bhd seterusnya menguji teknologi pendaftaran digital (digital onboarding) bagi pelanggan pada bulan Disember 2020.
3. FinTech Regulatory Sandbox telah dilancarkan pada 27 Februari 2017 untuk memudahkan pembangunan teknologi kewangan ataupun FinTech di Negara Brunei Darussalam. Sandbox ini memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menawarkan produk FinTech untuk menguji produk dan perkhidmatan FinTech dalam persekitaran pengawalseliaan yang fleksibel dalam tempoh masa dan parameter yang dipersetujui.
4. Jenis produk dan perkhidmatan FinTech yang boleh diuji melalui Sandbox ini termasuk aktiviti-aktiviti perbankan, insuran/takaful, pasaran modal atau produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif di bawah bidang kuasa pengawalseliaan BDCB yang berpotensi untuk memberi manfaat kepada pengguna kewangan.
3. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Garispanduan FinTech Regulatory Sandbox, serta proses dan keperluan bagi pengujian, sila layari laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 4 Safar 1446H / 9 Ogos 2024M

Ruj: BDCB/COMMS/